

BERITA HARIAN

DATE: 25 / 11 / 2007

## PM minta bank bantu peserta koridor

BH -  
25/11/2007

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta bank pelaburan memberikan kerjasama dalam menghulurkan pembiayaan kepada sektor swasta yang mengambil bahagian dalam koridor pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, pelaburan kira-kira RM671 bilion diperlukan bagi menyokong pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

"Saya pasti, memandangkan skop pelaburan diperlukan untuk membiayai koridor ekonomi ini, bank berkenaan boleh mengharapkan banyak urus niaga lumayan," katanya pada majlis jamuan malam Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (MIBA) di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Abdullah berkata, perubahan bank saudagar dan bank universal menjadi bank pelaburan memperlihatkan perkembangan yang memuaskan, dan melambangkan langkah strategik ke arah pewujudan sebuah pasaran modal yang lebih dinamis dan bertenaga.

"Saya percaya usaha besar masih diperlukan untuk bank pelaburan domestik menjadi peserta penting dalam kegiatan perbankan pelaburan serantau," katanya.

Katanya, dengan pelan Induk Pasaran Modal (2006-2010) berada pada peringkat akhir pelaksanaannya, usaha kini tertumpu kepada langkah mempertingkatkan perlindungan pelabur dan memperkukuhkan tadbir urus korporat serta kedudukan Malaysia sebagai sebuah pasaran modal Islam antarabangsa.

"Perkhidmatan kewangan Islam akan terus menjadi bidang pertumbuhan penting dan bank pelaburan domestik mesti berusaha memanfaatkannya," katanya.

Abdullah berkata, kegiatan mengumpul dana dalam kedua-dua pasaran ekuiti dan hutang meningkat ketara tahun ini berikutan keperluan pembiayaan swasta berskala besar.

"Antara faktor ketara menyumbang kepada peningkatan prestasi itu ialah kejayaan program transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," katanya.